

NO. SOALAN : 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM @ NYALAU
ANAK BADAK [LUBUK ANTU]**

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

YB. Tuan William @ Nyalau Anak Badak [Lubuk Antu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian menyediakan bantuan dari segi kewangan dan latihan untuk membantu penduduk rumah panjang dalam industri pelancongan Program Homestay.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ada menyediakan bantuan kewangan dan latihan bagi memajukan homestay yang berdaftar dengan kementerian ini. Antara bantuan yang diberikan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi membantu para pengusaha homestay rumah panjang yang berdaftar ialah:

- i. bantuan menaik taraf kemudahan guna sama (infrastruktur asas) di perkampungan Homestay yang berdaftar untuk keselesaan dan kepuasan para pelancong yang menginap di homestay;
- ii. memberikan kursus-kursus bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengusaha homestay seperti kursus berkaitan pengurusan, pemasaran, keusahawanan, kewangan, hospitaliti dan bahasa asing (terutamanya Bahasa Inggeris). Para pengusaha homestay juga turut dilatih di bawah program *We Are The Host* (WATH) untuk menarik lebih ramai pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014; dan
- iii. menyediakan platform promosi di dalam dan di luar negara yang melibatkan pengusaha homestay contohnya penyertaan di Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang diadakan setiap tahun anjuran oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Program Travel Malaysia di Singapura, Roadshow Promosi Homestay di Jepun, Australia, Indonesia dan Korea.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN NG WEI AIK
KAWASAN : TANJONG
TARIKH : 8 APRIL 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN NG WEI AIK (TANJONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rasional JKR untuk tidak bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan laluan berbasikal sepanjang 30km dari Tanjong Tokong ke Balik Pulau di bawah konsep yang dikenali sebagai "*Green Road Sharing Concept*".

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Keja Raya pada tahun lalu (2013) telah menerima kertas cadangan dari Kerajaan Pulau Pinang mengenai cadangan mewujudkan laluan khas basikal di Jalan Persekutuan 6 (FT06) dari Tanjung Tokong ke Balik Pulau melalui Batu Ferringhi dan Teluk Bahang sepanjang 30km.

Berdasarkan penilaian teknikal oleh Ibu Pejabat JKR, Jalan Persekutuan FT06 sedia ada itu tidak mempunyai kelebaran bahu jalan yang memadai untuk berkongsi secara *non exclusive* dengan lorong basikal. Arahan Teknik Jalan, 1986 telah menetapkan kelebaran minimum untuk reka bentuk lorong basikal/motosikal ialah 2.5 meter. Walau bagaimanapun cadangan Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan 1.5 meter daripada 3 meter kelebaran jalan FT06 untuk lorong basikal adalah tidak mematuhi dengan piawaian reka bentuk jalan mengikut Arahan Teknik Jalan, 1986.

Sehubungan itu, permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan laluan khas basikal secara berkongsi laluan di Jalan Persekutuan FT06 ini tidak dapat diberikan pertimbangan atas faktor keselamatan awam.

Sekian. Terima kasih.